

Plastik pembunuh dalam senyap

S.H 14/2/09 MS 15

PLASTIK terbahagi kepada pelbagai jenis kandungan bahan kimia yang paling utama iaitu polyvinyl chloride (PVC), Polycarbonate dan Polystyrene (PS).

Pegawai Perubatan Shah Alam Specialist Hospital (Salam), Dr Zulkarnain Ahmad Hamidy berkata, sekiranya salah satu bahan plastik tersebut terdapat di dalam makanan, ia berisiko tinggi menjejaskan kesihatan.

Menurutnya, pengambilan makanan yang terdiri daripada ketiga-tiga komponen tersebut boleh mengakibatkan keguguran kandungan, kecacatan bayi dalam kandungan, pembesaran prostat, masalah buah pinggang, kanser hati, masalah sel darah merah dan masalah pada sistem saraf.

Beliau berkata, kesan pengambilan makanan ini tidak mempunyai kesan sampingan dalam jangka masa yang singkat seperti keracunan makanan tetapi dapat dilihat dalam jangka masa panjang. "Bagaimanapun, kajian sukar

untuk membuktikan bahawa individu yang menghidap semua jenis penyakit tersebut disebabkan pengambilan makanan yang mengandungi komponen plastik.

"Kemungkinan individu yang lebih terdedah dengan makanan yang mengandungi plastik seperti goreng pisang lebih cenderung menghidap penyakit-penyakit ini," katanya.

Dr Zulkarnain berkata, tidak terdapat perbezaan yang ketara untuk pisang goreng yang mengandungi plastik kerana ciri-ciri plastik yang bersifat jemih dan tidak dapat dilihat.

Beliau berkata, menggunakan plastik untuk merangupkan makanan goreng adalah disebabkan fungsi plastik yang kedap udara dan membolehkannya rangup untuk beberapa jam.

"Kombinasi ketiga-tiga komponen plastik ini dengan minyak adalah sangat tidak baik untuk kesihatan kerana bahan kimia akan lebih cepat meresap masuk



● ZULKARNAIN AHMAD HAMIDY

dalam makanan melalui minyak," katanya.

Menurutnya, satu kajian membuktikan bahawa, sebanyak 95 peratus individu yang memakan makanan tercemar dengan polycarbonate secara kerap dapat kikesan melalui air kencing dan ini bermakna bahan kimia itu meresap dalam sistem badan kita.

Tubuh jawatankuasa pantau kualiti makanan

PRESIDEN dan Penasihat Undang-undang Persatuan Pengguna Subang/Shah Alam (CASSA), Datuk Dr Jacob George berkata, kerajaan perlu menubuhkan satu jawatankuasa bagi mengawal dan memantau kualiti makanan.

"Malaysia kini masih tiada satu akta kawalan makanan yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengawal dan memantau penyediaan makanan oleh peniaga-peniaga.

"Hal ini penting bagi mengetahui status makanan yang bersih dan tidak mengandungi bahan-bahan campuran yang tidak disahkan," katanya.

Menurutnya, sekiranya kerajaan menubuhkan akta kawalan makanan seperti negara-negara luar, pihak berkuasa atau badan tertentu boleh menjalankan pemantauan terhadap makanan yang dipercayai menggunakan bahan yang tidak dibenarkan.

Katanya, sejurus itu pihak tersebut boleh menyasiat



● DR JACOB GEORGE

dan membuktikan mana-mana makanan yang tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan.

"Oleh itu, bagi menguatkuasakan kawalan makanan ini, kita memerlukan satu akta yang dapat memantau kualiti makanan terutamanya makanan luar.

"Seterusnya, peniaga juga boleh tahu tentang apa yang dilakukan adalah salah dan tidak dibenarkan di sisi undang-undang," katanya ketika mengulas masalah kualiti makanan yang dijual di luar tidak bersih dan menggunakan bahan-bahan yang tidak dibenarkan.

Beliau berasa dukacita terhadap pihak berkuasa kerana hampir 20 tahun dia cuba

mencadangkan supaya menubuhkan akta kawalan makanan ini namun sehingga kini tiada sebarang tindakan.

Jacob berkata, masyarakat patut sedar bahawa sudah tiba masanya mereka mengubah persepsi dan cara berfikir demi kebaikan sendiri.

Tindakan, amalan boleh jejas imej peniaga lain

"ABANG tidak pernah pula dengar orang letak penyedut minuman atau bekas air mineral ke dalam pisang goreng untuk merangupkannya," kata seorang peniaga pisang goreng di sekitar Seksyen 7, Zulkifli Che Musa.

Menurutnya, tindakan itu mungkin berlaku namun melibatkan lokasi tertentu seperti di beberapa kawasan berhampiran sempadan Thailand.

Zulkifli berkata, campuran bahan plastik dalam ramuan pisang goreng adalah pertama kali didengar berlaku sepanjang 15 tahun berniaga pisang goreng.

"Ini tidak bagus dan ianya akan memberi kesan kepada peniaga-peniaga goreng pisang seperti saya ini walaupun tidak terlibat.

"Semua orang tahu, plastik ada bahan kimia yang boleh membahayakan kesihatan, jadi kenapa perlu ada pihak yang berbuat demikian," katanya ketika ditemui Sinar Harian digerainya.

Dia mengingatkan agar ada pihak bertanggungjawab boleh mengambil tindakan berhubung isu ini daripada berleluasa sehingga menyusahkan peniaga-peniaga lain.



● ZULKIFLI CHE MUSA